



*TOKONG kecil dengan binaan umpama kubah masjid.*

## PDT Klang, MPK beri tempoh sehingga esok

**Klang:** Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) memberi tempoh sehingga esok untuk kerja pemindahan atau membuka binaan sebuah tokong kecil yang menyerupai kubah masjid di Bukit Raja, di sini.

Tinjauan Harian Metro semalam mendapati tokong kecil itu masih berada di kawasan lapang premis perniagaan berkenaan walaupun terdapat notis ditampal kedua-dua pihak berkuasa berkenaan.

Kewujudan tokong kuning

dan hijau itu tular di media sosial baru-baru ini, sehingga mendapat perhatian netizen yang keliru kerana ia memiliki binaan umpama kubah masjid.

Berikutan itu, netizen termasuk penduduk setempat mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan segera terhadap pemiliknya.

PDT Klang Mohd Zainal Mohd Nor berkata, pihaknya sudah menampal notis mengarahkan pemilik tokong itu memindah atau membuka struktur berkenaan pada 24 Januari lalu.